

2020 0370
PARLIMEN-KONANWEL

1982

KUALA LUMPUR, 5 NOV. (BERNAMA)—KERAJAAN INDIA TELAH SECARA TIDAK LANGSUNG TERPAKSA MENGAKUI DI MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI FIJI BARU-BARU INI WUJUDNYA KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA WALAUPUN MEREKA MENGIKTIRAF KERAJAAN HENG SAMRIN, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SERAMAI 17 BUAH NEGARA YANG MENYERTAI MESYUARAT SERANTAU ITU, TERMASUK INDIA, TELAH MENGAMBIL PERHATIAN TENTANG PEMBENTUKAN KERAJAAN CAMPURAN ITU.

INI MENUNJUKKAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT MENGAKUI WUJUDNYA KERAJAAN CAMPURAN SECARA DE FACTO ITU, KATA PERDANA MENTERI MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK NG CHENG KUAI (BN -LUMUT) SEMASA SOAL JAWAB.

BELIAU MENSIFATKAN PENGAKUAN TERSEBUT, TERMASUK DARI INDIA SENDIRI

1
SATU-SATUNYA KEJAYAAN YANG DICAPAI DALAM MESYUARAT TERSEBUT.

KATANYA MESYUARAT TERSEBUT JUGA MELAHIRKAN PANDANGAN BERAT TERHADAP PERTELINGKAHAN DI ASIA BARAT DAN MENGECEM HEBAT ISRAEL KERANA SERANGANNYA KE ATAS LUBNAN DAN PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI BEIRUT. -- LAGI 1620/PA

NNNN

PARLIMEN-KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI AFGHANISTAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MESYUARAT BERPENDAPAT BAHAWA SATU PENYELESAIAN POLITIK PERLU DICAPAI BERASASKAN KEPADA PENGUNDURAN TENTERA ASING DAN PENGHORMATAN AKAN KEMERDEKAAN SERTA KEDAULATAN NEGARA ITU SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERKECUALI.

DALAM BIDANG EKONOMI PULA, BELIAU BERKATA ANTARA KEPUTUSAN YANG DICAPAI IALAH SUPAYA DIGUBAL DASAR-DASAR YANG BOLEH MEMPERCEPAT KEMAJUAN EKONOMI TANPA MENINGGIKAN KADAR INFLASV.

KETUA-KETUA KERAJAAN DALAM MESYUARAT ITU JUGA MENERIMA PROGRAM-PROGRAM KERJASAMA PRAKTIKAL DI ANTARA NEGARA-NEGARA KOMANWEL DI RANTAU INI YANG DAPAT MEMBANTU MEREKA MEMPERCEPATKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN MASING-MASING, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MEMBERITAHU MESYUARAT ITU BAHAWA KERAJABAMA EKONOMI SERANTAU ADALAH SUATU PENDEKATAN YANG DAPAT MEMBERI NAFAS BARU KEPADA KOMANWEL.

KEPADA SOALAN ENCIK ISMAIL SAID (BN-KEMAMAN), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERPENDAPAT PENYERTAAN DALAM MESYUARAT KOMANWEL SERANTAU INI ADALAH LEBIH BERMAKNA DAN BERKESAN KEPADA NEGARA-NEGARA PESERTA YANG MERUPAKAN NEGARA-NEGARA KECIL. -- LAGI 1712/PA

NNNN

ZCZC N610

PARLIMEN-KOMANWEL 3 KUALA LUMPUR

KATANYA MEMANG TERDAPAT PERBEZAAN BESAR PENYERTAAN DALAM PERBIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL SECARA KEBELURUHAN DENGAN MESYUARAT SERANTAU SEBAGAIMANA DI FIJI ITU.

DALAM KOMANWEL KESELURUHAN YANG DIHADIRI OLEH NEGARA-NEGARA BESAR DAN KECIL, SUARA NEGARA-NEGARA KECIL SEPERTI MALAYSIA AKAN TENGGELAM MANAKALA PERTEMUAN YANG BERMAKNA ANTARA NEGARA-NEGARA PESERTA MUNGKIN TIDAK DAPAT DIADAKAN SEBAGAIMANA DILAKUKAN DIFIJI, JELASNYA.

KEPADA PERTANYAAN ENCIK MOHAMED AMIN HAJI DAUD (BN-PEKAN), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERSEDIA MENIMBANG UNTUK MENJADI TUANRUMAH MESYUARAT PERINGKAT SERANTAU INI JIKA DITAWARKAN.

BAGI TAHUN 1984, MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL SERANTAU AKAN DIADAKAN DI PAPUA NEW GUINEA, KATA PERDANA MENTERI.

-- BERNAMA 1715/PA

NNNN